




# PARLIMEN MALAYSIA



MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERTAMA  
PARLIMEN KEDUABELAS  
2008

JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB  
LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB  
DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA  
KEMENTERIAN

HARI SELASA: 4 NOVEMBER 2008

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN  
(SOALAN NO. 8, 12 HINGGA 31 )**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 7,  
9 HINGGA 11**

**[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali  
[ Titiwangsa ]**

**TARIKH : 4 November 2008 (SELASA)**

**SOALAN : 8**

**Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [ Titiwangsa ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah-langkah persediaan sekiranya berlaku kecemasan kemalangan sistem LRT, KTM Komuter dan Monorel.

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Sebagai persediaan bagi menghadapi sebarang kecemasan kemalangan yang melibatkan sistem rel kereta api, Kementerian Pengangkutan melalui badan kawal selia iaitu Jabatan Keretapi Malaysia telah mengambil langkah-langkah berikut :-

- i. Pelaksanaan *Emergency Respons Plan* (ERP) ataupun Pelan Tindakan Kecemasan bagi menghadapi sesuatu situasi kecemasan kemalangan iaitu sebelum sesuatu lesen kereta api diluluskan, pihak operator kereta api disyaratkan mengemukakan pelan ERP yang telah diluluskan oleh Jabatan Keretapi Malaysia serta Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia;
- ii. Mensyaratkan supaya semua pengendali Kereta api mengendalikan latihan secara "*table top exercise*" iaitu lebih dari sekali setahun dan latihan senario sebenar sekurang-kurangnya sekali setahun dengan kerjasama pelbagai agensi seperti pengendali kereta api, Jabatan Keretapi, Majlis Keselamatan Negara, Bomba, Polis, Hospital, JPA 3 dan sebagainya. Situasi senario latihan adalah berlainan dari masa ke semasa bagi memastikan pengetahuan dan kesediaan menghadapi kecemasan kemalangan sentiasa di tahap yang tinggi;

- iii. Pelaksanaan "*Post Mortem*" pada pengakhiran setiap latihan akan diadakan bagi mengenal pasti setiap kelemahan dan membincangkan mengenai tindakan-tindakan yang perlu diambil bagi mengatasi kelemahan tersebut. Setiap tindakan-tindakan pembetulan yang telah dipersetujui akan dikemaskinikan ke dalam ERP sebagai proses penambahbaikan. Sehubungan itu, ERP akan dikaji dari semasa ke semasa untuk meningkatkan lagi tahap kesediaan dalam menghadapi bencana; dan
- iv. Selain daripada itu, sebagai langkah pencegahan awal, kesemua pengendali operator kereta api dikehendaki menubuhkan Unit Keselamatan di stesen-stesen kereta api bagi menjamin menjaga keselamatan penumpang.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU  
(TELOK INTAN )**

**TARIKH : 04.11.2008**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU [ TELOK INTAN ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah sekolah-sekolah baru Cina dan Tamil dibina semenjak Kemerdekaan; dan
- (b) adakah Kerajaan berhasrat untuk membina sekolah-sekolah vernakular Kadazan dan Iban di Sabah dan Sarawak untuk mengekalkan penggunaan bahasa ibunda masyarakat Kadazan dan Iban.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

- (a) Bilangan SJKC dan SJKT selepas merdeka adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>SJKC</b>	<b>SJKT</b>
1960	281	17
2000	1284	526
2008	1290	523

- (b) Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) melihat kepada aspek yang menyeluruh dalam melaksanakan pembangunan pendidikan negara. Oleh yang demikian, KPM tidak hanya menumpukan kepada sesuatu kaum, jenis sekolah atau kawasan tertentu sahaja dalam membina

sesebuah sekolah. Selaras dengan itu, KPM mengutamakan pembinaan sekolah kebangsaan sebagai sekolah aliran perdana bagi memenuhi keperluan pelajar dan ibubapa pelbagai kaum termasuklah masyarakat Kadazan dan Iban, dalam usaha untuk memupuk semangat perpaduan sejak awal persekolahan. Namun begitu, bagi mengekalkan penggunaan bahasa ibunda, KPM telah menawarkan mata pelajaran bahasa Kadazan Dusun dan bahasa Iban di sekolah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATO' ISMAIL BIN KASIM**  
**TARIKH : 4 NOVEMBER 2008**

**SOALAN:**

**Y.B. Dato' Ismail bin Kasim [ Arau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan yang dicapai dan perancangan dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan dalam Koridor Utara (NCER). Adakah Kerajaan bercadang mengurangkan peruntukan kewangan berikutan keadaan ekonomi global yang tidak menentu dan sejauh manakah Kerajaan memfokuskan agar setiap negeri terlibat mendapat faedah yang sama rata.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Dari segi perkembangan yang dicapai dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan NCER, untuk makluman **Y.B. Dato' Ismail bin Kasim [Arau]**, sebanyak 33 program dan projek telah diperakukan bagi (NCER) di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan (**KSP RMKe-9**). Daripada jumlah tersebut, sebanyak 14 projek akan dilaksana dalam tahun 2008 dan peruntukan sebanyak RM45 juta telah disalurkan kepada Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA). NCIA telah memulakan pelaksanaan beberapa program dan

projek khususnya penyediaan kemudahan infrastruktur asas yang diperlukan bagi menarik pelaburan swasta ke NCER.

Dengan mengambil kira kedudukan ekonomi semasa dan keperluan pelaburan di setiap koridor, Kerajaan telah menetapkan jumlah peruntukan bagi semua koridor pertumbuhan di bawah KSP RMKe-9 sebanyak **RM10 bilion**. Agihan peruntukan mengikut koridor pula bergantung kepada kesesuaian cadangan program dan projek bagi setiap Pihak Berkuasa Koridor berkenaan. Penyaluran peruntukan adalah tertakluk kepada keupayaan pelaksanaan pihak berkuasa koridor berkenaan. Bagi memastikan manfaat yang diperolehi daripada pertumbuhan ekonomi hasil pelaksanaan program dan projek diagih secara saksama, Kerajaan telah menetapkan projek teras di setiap negeri dan sasaran ekonomi di kawasan yang diberi keutamaan akan memberi penekanan kepada penglibatan masyarakat tempatan dan ini akan diselaraskan oleh pihak NCIA.

PARLIMEN MALAYSIA  
PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LISAN

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN AARON AGO ANAK DAGANG  
(KANOWIT)

TARIKH : 4 NOVEMBER 2008 (SELASA)

SOALAN : TUAN AARON AGO ANAK DAGANG  
(KANOWIT) minta MENTERI PERTANIAN  
DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan :-

Jumlah peruntukan semenjak tahun 2004 untuk mengendalikan projek-projek pertanian secara subsidi (indirect) dan bantuan kewangan (direct) bagi membangunkan sektor pertanian di Malaysia. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah pemasaran produk-produk pertanian dari kawasan luar bandar.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,  
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan menyediakan **dua jenis subsidi** bagi pengeluaran makanan untuk golongan sasar iaitu **subsidi padi dan beras untuk para pesawah dan subsidi diesel dan petrol** untuk nelayan.

Bagi subsidi padi dan beras, subsidi terbahagi kepada dua iaitu Subsidi Baja Padi Kerajaan Persekutuan dan Subsidi Harga Padi. Jumlah peruntukan semenjak 2004 bagi kedua-dua subsidi ini ialah adalah seperti berikut;

### Subsidi Harga Padi

2004	-	RM448 juta
2005	-	RM448 juta
2006	-	RM445 juta
2007	-	RM444 juta
2008	-	RM448 juta

### Subsidi Baja Padi Kerajaan Persekutuan

2004	-	RM188 juta
2005	-	RM178 juta
2006	-	RM369 juta
2007	-	RM261 juta
2008	-	RM255 juta

Manakala, semenjak tahun 2002, peruntukan bagi subsidi diesel dan petrol kepada nelayan adalah berjumlah **RM 5,691,410,056 (diesel)** dan **RM 114,875,343 (petrol)**.

Bagi membantu petani-petani di seluruh negara, termasuk di Sarawak memasarkan produk-produk pertanian, Kerajaan telah mewujudkan beberapa agensi seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Korporasi Pembangunan Desa

(KPD) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) untuk membantu petani-petani dalam memasarkan hasil keluaran tanaman-tanaman mereka. Kementerian Pertanian melalui FAMA telah mengambil beberapa langkah tertentu untuk membantu petani-petani di di Sarawak memasarkan hasil-hasil tanaman mereka seperti berikut:

- (i) membuka ruang pasaran baru bagi petani melalui pasar-pasar tani
- (ii) menubuhkan pasar tani
- (iii) menjalankan kursus-kursus lepas tuai tanaman sayur-sayuran kepada petani-petani

FAMA membantu masyarakat tani untuk memasarkan hasil-hasil pertanian melalui program-program utamanya seperti berikut:-

- i) Menyediakan tapak penjualan seperti Pasar Tani di lokasi-lokasi strategik di seluruh negara bagi membolehkan petani-petani menjual terus produk keluaran mereka kepada pengguna;
- ii) Mengadakan ladang kontrak dengan petani bagi membolehkan para petani menjual hasil mereka pada harga yang ditetapkan kepada pasaran terjamin.;
- iii) Menganjurkan kempen dan promosi di dalam dan di luar negara bagi meningkatkan permintaan dan tahap penggunaan hasil-hasil pertanian;
- iv) Meluaskan pasaran eksport bagi buah-buahan dan sayuran Malaysia melalui promosi dan misi dagangan ke luar negara;
- v) Melatih dan membimbing usahawan-usahawan kecil dan sederhana meluaskan aktiviti-aktiviti pemprosesan barang-barang berasaskan pertanian;
- vi) Menyediakan khidmat-khidmat sokongan pemasaran seperti maklumat harga, risikan pasaran, pengangkutan dan sebagainya; dan

vii) Meningkatkan mutu dan daya saing hasil pertanian tempatan terpilih seperti belimbing dan betik melalui skim pengedaran bagi memastikan mutu hasil pertanian ini.

### PENYALURAN DIESEL DAN PETROL BERSUBSIDI KEPADA NELAYAN

Tahun	Kuantiti (liter)		Jumlah (liter)	Agensi Pelaksana
	Diesel	Petrol		
2002	326,802,315	-	326,802,315	KPDN&HEP
2003	771,738,300	-	771,738,300	KPDN&HEP
2004	1,129,865,300	-	1,129,865,300	KPDN&HEP
2005	1,374,276,000	-	1,374,276,000	KPDN&HEP
2006	989,727,418	45,413,959 (Bermula pada bulan Jun - Disember 2006)	1,035,141,377	MOA & LKIM
2007	1,099,000,723	69,461,384 (Bermula pada bulan Januari - Disember 2007)	1,168,462,107	MOA & LKIM
<b>Jumlah</b>	<b>5,691,410,056</b>	<b>114,875,343</b>	<b>5,806,285,399</b>	-

## Penyaluran Diesel dan Petrol Bersubsidi Nelayan Tahun 2008

Tahun 2008	Kuantiti (liter)		Jumlah (liter)
	Diesel	Petrol	
Januari	95,283,215	6,654,227	101,937,442
Februari	90,383,482	5,780,924	96,164,406
Mac	93,686,864	6,741,810.2	100,428,674.2
April	94,261,611	6,949,834	101,211,445
Mei	94,441,519	6,354,044	100,795,563
Jumlah	468,056,691	32,480,839.2	500,537,530.2

Nota:

- i) Subsidi petrol adalah untuk vesel berjentera sangkut sahaja.
- ii) Setiap vesel layak menerima satu kad pintar sahaja.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**NO. SOALAN : 15**  
**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG**  
**(MARANG)**  
**TARIKH : 4.11.2008**

**SOALAN :**

**Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang (Marang)** minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh manakah mahkamah syariah mempunyai kuasa dalam kes liwat dan qazaf.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Undang-undang Syariah di Wilayah Persekutuan diterimapakai oleh Mahkamah Syariah adalah digubal oleh Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil (JAKIM). Dalam proses gubalan oleh jawatan untuk teknikal syarak ini pandangan dan ulasan dari pelbagai pihak seperti para Mufti, Ketua Hakim Syarie , Penasihat Undang-undang Negeri, Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri, tokoh akademik perundangan dan sebagainya adalah diambilkira.

Peruntukan kesalahan bagi kes liwat dan qazaf dalam Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah – wilayah Persekutuan 1997 adalah diperuntukan dalam seksyen 25 “ Mana-mana orang lelaki yang melakukan liwat adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.

Peruntukan tentang Qazaf pula diperuntukan dalam seksyen 41. “Kecuali dalam *li’an*, mana-mana orang yang menuduh orang lain melakukan zina tanpa mengemukakan, mengikut Hukum Syarak, empat orang saksi lelaki atau iqrar orang yang dituduh itu adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Berdasarkan peruntukan ini, *Qazaf* hanya terpakai untuk kesalahan terhadap tuduhan zina. Pertuduhan tersebut digunakan ke atas orang lain yang membuat tuduhan ke atas seseorang lain yang melakukan zina.

Perbuatan zina pula ditafsirkan sebagai perbuatan yang melibatkan antara lelaki dan perempuan. Manakala takrif *liwat* di bawah Seksyen 2 (Tafsiran) Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah-Wilayah Persekutuan 1997 adalah bererti perhubungan seks sesama lelaki.

Perbuatan liwat atau homosexual adalah satu perbuatan yang sejak dahulu lagi dipertikaikan oleh para fuqaha apakah boleh dianggap sebagai

perbuatan zina atau tidak. Mereka yang berpendapat ia zina<sup>8</sup> berdalilkan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Musa al-'Asy'ari bahawa Nabi s.a.w bersabda bermaksud apabila lelaki bersetubuh dengan lelaki maka kedua-duanya telah berzina. (Hadis riwayat al-Baihaqi dari Abu Musa)<sup>9</sup>

Dalil kedua bagi mereka ialah kerana perbuatan liwat itu sama dengan perbuatan zina dari segi fizikal dan tujuannya.<sup>10</sup> Akan tetapi kebanyakan fuqaha<sup>11</sup> berpendapat bahawa liwat bukannya zina. Alasan mereka ialah kerana adat dan kebiasaan masyarakat tidak menganggap demikian. Seorang yang bersumpah tidak akan berzina dan kemudian melakukan liwat tidak dianggap telah melanggar sumpahnya. Para fuqaha mazhab ini berpendapat bahawa hadis yang dijadikan alasan oleh mazhab pertama tadi bukan mengertikan zina dalam pengertian perbuatan yang berdosa. Tafsiran ini adalah berdasarkan sabda nabi s.a.w di dalam hadis lain yang berbunyi: Maksudnya ; Apabila seorang perempuan bersetubuh dengan seorang perempuan maka kedua-duanya telah melakukan zina. (Hadis riwayat al-Baihaqi dari Abu Musa).<sup>12</sup>

Selain itu, menurut golongan kedua ini lagi, para sahabat juga bercanggah pendapat dalam menentukan hukuman liwat. Kalaulah liwat itu zina dalam erti kata yang sebenarnya, sudah pasti tidak wujud percanggahan pendapat di kalangan mereka kerana hukuman zina sudah amat jelas.

---

<sup>8</sup> - Lihat : Ibn Qudamah, op.cit, Jld.9, hlm. 60 & 61.

<sup>9</sup> - As-Syaukani, Nail al-Autar jld.7, hlm. 207.

<sup>10</sup> - Ibn Qudamah, op.cit, Jld.9, hlm.61.

<sup>11</sup> - Lihat : Al-Kasani, op.cit, Jld.7, hlm 43, Ibn Hazm, Al-Muhalla, Jld.11 hlm 380

<sup>12</sup> - As-Syaukani, op.cit, Jld.7, hlm. 287

Tambahan pula, bahaya yang timbul dan kesannya kepada keturunan dan keluarga dari perbuatan liwat itu tidak sama dengan yang timbul dari perbuatan zina.

Hasil dari percanggahan pendapat ini lahir berbagai-bagai pendapat pula dalam menentukan hukuman kepada perbuatan tersebut. Bagi mereka yang berpendapat bahawa liwat adalah zina, mereka mengenakan hukuman zina kepada perbuatan tersebut hanya kepada orang yang melakukannya sahaja, sedangkan orang yang kena liwat hanya akan dikenakan hukuman sebat atau pukul sama ada perempuan atau lelaki, muhsan atau bukan muhsan.<sup>13</sup>

Imam Malik<sup>14</sup> pula menyebut rejam sebagai hukuman terhadap jenayah liwat. Bagi beliau hukuman ini tidak mengambilkira sama ada yang melakukan atau yang kena laku dan sama ada dia muhsan atau bukan muhsan berdasarkan sabda Nabi s.a.w. yang bermaksud Sesiapa yang kamu dapati melakukan perbuatan kaum Lut maka bunuhlah mereka, yakni yang melakukan dan yang kena laku. (Hadis riwayat lima periwayat kecuali an-Nasa'i dari Ibn Abbas.)<sup>15</sup>

---

<sup>13</sup> – Ibid

<sup>14</sup> – Ibid, hlm.288

<sup>15</sup> – Ibid, hlm. 286

Dalam satu riwayat lain pula Nabi s.a.w bersabda, yang bermaksud maka rejamlah mereka, yakni yang di atas dan yang di bawah. (Hadis riwayat Ibn.majah dari Abu Hurairah.)<sup>16</sup>

Tambah Imam Malik lagi, Allah s.w.t. telah mengazab kaum Lut dengan rejam, maka mereka yang melakukan perbuatan kaum Lut ini akan dikenakan seksa yang sama, iaitu rejam. Sedangkan Iman Abu Hanifah<sup>17</sup> hanya mencadangkan hukuman ta'zir sahaja ke atas perbuatan liwat walaupun yang diliwat itu seorang perempuan. Walau apa pun hukuman yang dicadangkan oleh para fuqaha atas perbuatan liwat, ini bukan berarti tidak wujud ijmak dari mereka dalam menganggap perbuatan liwat itu satu perbuatan terkutuk dan satu dosa besar. Dalam hal ini Allah s.w.t berfirman yang bermaksud ....dan Lut tatkala ia berkata kepada kaumnya: "Mengapa kamu mengerjakan perbuatan jahat itu yang belum pernah dikerjakan oleh sesiapa pun di dunia ini sebelum kamu. Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki untuk melepaskan nafsumu tidak kepada wanita, malah kamu ini adalah kaum yang melampaui batas". (Al-A'raf 7 : 80-81)

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN.**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE [ SETIU ]**

**TARIKH : 4 NOVEMBER 2008**

**SOALAN :**

**Dato' Mohd Jidin bin Shafee [ Setiu ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan bagaimanakah Kerajaan mengambil tindakan untuk menentukan hakisan pantai/laut tidak memberi kesan yang buruk kepada penduduk dan pembangunan yang dilaksanakan oleh Kerajaan.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada jumlah panjang pesisiran pantai negara iaitu, 4,809 km, sepanjang 1,414 km (atau 30%) pantai mengalami masalah hakisan dan masalah ini memang menyebabkan ancaman kepada penduduk, harta benda dan kemudahan awam. Untuk mengatasi masalah ini, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) melaksanakan program jangka pendek dan jangka panjang semenjak tahun 1987.

Langkah jangka pendek meliputi kerja-kerja kejuruteraan termasuk pembinaan struktur-struktur kawalan hakisan seperti lapis lindung, groin, penambakan pantai dan sebagainya. di kawasan kawasan pantai yang menghadapi hakisan yang kritikal untuk melindungi kemudahan dan harta benda dari ancaman hakisan laut. Bagi kawasan-kawasan lain di mana hakisan belum sampai ke tahap kritikal, pemantauan ke atas status hakisan dijalankan dari masa ke semasa dan tindakan sewajarnya akan diambil sekiranya hakisan didapati telah menjadi semakin serius.

Menerusi langkah jangka panjang pula, pihak JPS memberi khidmat nasihat teknikal dalam perancangan gunatanah dan pembangunan di zon pantai dengan memberi pertimbangan sewajarnya kepada proses-proses semulajadi pantai sebelum sesuatu projek pembangunan dilaksanakan. Tindakan ini diambil bertujuan untuk mengelak daripada risiko hakisan dan keperluan kerja-kerja perlindungan pantai yang mahal di masa-masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO: 17**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING (SERDANG)**

**PERTANYAAN : MULUT**

**TARIKH : 04.11.2008**

**Puan Teo Nie Ching (Serdang)** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan peratusan rizab pertukaran asing Bank Negara yang merangkumi USD, EURO dan sebagainya selepas mengecualikan komposisi emas dan SDR, serta kerugian yang telah dialami oleh Bank Negara berikutan kemerosotan nilai USD sepanjang empat suku tahun yang lalu.

**Jawapan:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, kedudukan pegangan rizab negara telah bertambah kepada RM400.2 bilion (bersamaan dengan USD122.6 bilion) pada 29 Ogos 2008 berbanding dengan RM335.7 bilion (bersamaan USD100.7 bilion) pada 31 Disember 2007. Peningkatan rizab ini adalah didorong oleh lebihan dagangan yang besar, aliran masuk pelaburan langsung asing yang berterusan serta aliran masuk dana portfolio.

2. Pegangan rizab negara adalah dalam pelbagai bentuk mata wang termasuk USD, Euro, Paun Sterling , Yen dan juga mata wang lain yang didagangkan dengan meluas. Kepelbagaian pegangan rizab ini telah mengurangkan risiko turun naik nilai rizab disebabkan oleh ketidaktentuan harga pasaran semasa. Sebarang penurunan harga sesuatu pegangan rizab akan diimbangi sebahagiannya oleh kenaikan harga pegangan rizab yang lain. Oleh yang demikian, penyusutan nilai USD baru-baru ini didapati tidak menjejaskan kedudukan nilai keseluruhan rizab dengan ketara kerana ianya dapat diimbangi oleh penambahan nilai Euro, Paun Sterling dan Yen serta pegangan rizab lain.

SOALAN NO: 718

PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Ir. HAJI HAMIM BIN  
SAMURI [LEDANG]

TARIKH : 4 NOV 2008

SOALAN :

Ir. HAJI HAMIM BIN SAMURI [LEDANG] MINTA MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN APAKAH TINDAKAN KEMENTERIAN TERHADAP KONTRAKTOR YANG TAMAK DENGAN MEMPUNYAI TERLALU BANYAK PROJEK DALAM TANGAN. APAKAH KEMENTERIAN AKAN TERUS MENYEPI KE ATAS ISU INI DAN APAKAH KAEDAH KEMENTERIAN DI DALAM MENGANUGERAHKAN PROJEK KEPADA KONTRAKTOR TERMASUK

MENILAI HARGA TENDER BERDASARKAN HARGA  
HITUNG PANJANG DAN TIDAK LAGI TAKSUB  
KEPADA TENDER TERMURAH ATAU LELONG

JAWAPAN :

TUAN YANG DIPERTUA,

UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT, SETIAP TENDER YANG DIPANGGIL OLEH KERAJAAN AKAN DIBUAT PENILAIAN TENDER TERLEBIH DAHULU SEBELUM DIBENTANGKAN DI DALAM MESYUARAT LEMBAGA PEROLEHAN YANG BERKENAAN.

PENILAIAN TENDER AKAN DISEDIAKAN OLEH SATU JAWATANKUASA PENILAIAN TENDER YANG DILANTIK SECARA BERTULIS OLEH KETUA JABATAN/BAHAGIAN.

MELALUI SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN, KERAJAAN TELAH MENETAPKAN ASAS-ASAS PENILAIAN TENDER ADALAH SEPERTI BERIKUT :

1. MEMASTIKAN PENTENDER MEMENUHI KESEMUA SYARAT YANG DINYATAKAN DI DALAM DOKUMEN TENDER.
2. MENILAI KEMAMPUAN TEKNIKAL PENTENDER SEPERTI KAKITANGAN PROFESIONAL DAN TEKNIKAL, PENGALAMAN KERJA, REKOD PRESTASI, PROJEK YANG SEDANG DILAKSANAKAN/DALAM TANGAN DAN LOJI (DISEWA ATAU MILIK SENDIRI).
3. MENILAI KEMAMPUAN KEWANGAN PENTENDER DARI SEGI MODAL PUSINGAN, *NET WORTH*, KEMUDAHAN KREDIT, NILAI BAKI KERJA DALAM TANGAN YANG BELUM SIAP DAN SEBAGAINYA.
4. MENGANALISIS HARGA TENDER DENGAN MENGAMBILKIRA TEMPOH SIAP YANG DITAWARKAN BERDASARKAN TAWARAN YANG PALING MENGUNTUNGAN KERAJAAN.

SEHUBUNGAN DENGAN ITU MANA-MANA KONTRAKTOR YANG MEMPUNYAI KERJA DALAM TANGAN DAN MASIH MAHU MENYERTAI TENDER KERAJAAN, MAKA KERAJAAN AKAN MENILAI KEMAMPUAN KEWANGANNYA TERMASUK DENGAN MENGAMBILKIRA BEBANAN KERJA DALAM TANGAN YANG SEDIAADA.

SEKIRANYA KONTRAKTOR INI LULUS PENILAIAN TENDER WALAUPUN DENGAN BEBANAN KERJA DALAM TANGAN, MAKA KONTRAKTOR INI LAYAK DIPERTIMBANGKAN.

WALAU BAGAIMANAPUN DALAM MEMUTUSKAN TENDER YANG BERJAYA, ANTARA PERKARA-PERKARA YANG AKAN DIAMBILKIRA OLEH KERAJAAN IALAH MEMILIH TAWARAN TERENDAH YANG DINILAI DAN BOLEH DISETUJUTERIMA (*LOWEST EVALUATED AND ACCEPTABLE TENDER*) : TAWARAN TERENDAH DAN BOLEH DISETUJUTERIMA TIDAK SEMESTINYA TAWARAN YANG TERMURAH.

INI BERMAKNA KERAJAAN AKAN MEMILIH  
TAWARAN TERENDAH DIKALANGAN PENTENDER  
YANG LULUS PENILAIAN TENDER SAHAJA  
KERANA TAWARAN INILAH YANG PALING  
MENGUNTUNGAN KERAJAAN.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ**  
**TARIKH : 4 NOVEMBER 2008 (SELASA)**  
**NO. PERTANYAAN : 19**

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [ Sungai Siput ] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa banyak kolej swasta telah mengurangkan kelayakan kemasukan ke kursus-kursus yang ditawarkan kerana tamak untuk mendapatkan bayaran PTPTN daripada pihak Kerajaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengajian Tinggi telah menetapkan syarat kelayakan kemasukan ke kursus pengajian yang ditawarkan di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Syarat tersebut perlu dipatuhi bagi membolehkan IPTS mendapat kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan termasuk PTPTN. IPTS hanya boleh menukar syarat kelayakan masuk bagi sesuatu kursus pengajian atas keperluan tertentu selepas mendapat kelulusan bertulis dari Kementerian. Justeru, PTPTN tidak akan mempertimbangkan permohonan pinjaman bagi pelajar di IPTS yang mengubah syarat kemasukan.

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERTAMA  
PARLIMEN KEDUA BELAS  
TAHUN 2008**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. PUAN ROSNAH BINTI  
ABDUL RASHID SHIRLIN  
(PAPAR)**

**TARIKH : 4 NOVEMBER 2008**

**SOALAN :**

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan status dan perkembangan projek-projek pembangunan tenaga solar di kawasan luar bandar di Sabah dan kesulitan, cabaran serta halangan yang dihadapi oleh

Kementerian dalam melaksanakan projek berkenaan dengan jayanya.

**JAWAPAN :**

Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan projek BELB di kawasan luar bandar dilaksanakan melalui 2 kaedah iaitu secara sambungan grid atau melalui beberapa kaedah alternatif lain seperti sistem solar *photovoltaic* dan sistem solar hibrid.

Bermula dari tahun 1995 sehingga tahun 2001, Kementerian telah memasang sejumlah 3,155 buah sistem solar *photovoltaic* melibatkan 75 buah kampung di negeri Sabah. Semua sistem ini disenggara secara berkala oleh Kementerian dan pengguna mendapat bekalan 6 hingga 8 jam sehari secara percuma.

Bermula pada tahun 2004 Kementerian mula melaksanakan sistem solar hibrid di seluruh negara. Secara relatifnya, sistem ini lebih baik dari sistem solar *photovoltaic* kerana ia mampu membekalkan elektrik selama 24 jam.

Sistem Solar hibrid melibatkan gabungan penjanaan tenaga dari tenaga solar, penstoran bateri serta set generator. Sehingga kini, Kementerian telah melaksanakan 17 projek Solar Hibrid di Sabah bernilai RM 63.5 juta dan telah dapat memberi manfaat kepada 1,281 buah rumah.

Cabaran utama Kementerian sepanjang pelaksanaan projek-projek solar ini adalah kos pelaksanaannya yang tinggi. Sebahagian besar komponen untuk pelaksanaan projek Solar

Hibrid seperti panel solar, *inverter*, sistem kawalan dan bateri berkapasiti tinggi diimport sepenuhnya dari luar negara. Perkara ini secara tidak langsung mengakibatkan kos pelaksanaan sistem Solar Hibrid lebih tinggi berbanding kaedah konvensional.

Kos operasi dan penyenggaraan sistem solar Hibrid juga lebih tinggi berbanding pembekalan secara konvensional. Untuk makluman Y.B, kebanyakan sistem Solar Hibrid dipasang di kawasan pedalaman dan kos pengangkutan diesel serta alat ganti jauh lebih tinggi berbanding harga di pasaran. Kementerian dengan kerjasama dari SESB semasa merekabentuk sistem, akan meminimalkan penggunaan set generator dan memberi tumpuan pada penjanaan tenaga dari sumber tenaga diperbaharui. Melalui kaedah ini, kos

operasi dan penyenggaraan dapat dikurangkan dan secara langsung menjadikan sistem ini lebih sesuai digunakan.

Kementerian merancang untuk meneruskan pelaksanaan projek Solar Hibrid di negeri Sabah pada masa akan datang dalam usaha meningkatkan kualiti hidup dan bekalan di kawasan luar bandar.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : Y.B. TUAN AMRAN BIN AB GHANI  
(TANAH MERAH)  
TARIKH : 4 NOVEMBER 2008 (SELASA)

**SOALAN:**

Tuan Amran bin Ab Ghani (Tanah Merah) minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian dalam menjalankan aktiviti-aktiviti berkaitan dengan Remaja dan Belia khususnya bagi mengelakkan gejala sosial yang berleluasa pada masa ini serta ramai melibatkan golongan remaja dan belia.

**JAWAPAN**

1. Kementerian Belia Dan Sukan sememangnya telah merancang dan melaksanakan pelbagai program/aktiviti pencegahan dan pemulihan untuk menghalang golongan belia dari terjebak dengan gejala sosial.
2. Antara tindakan yang telah dijalankan oleh Kementerian untuk mengelakkan golongan belia dari terjebak dengan pelbagai masalah sosial ialah:-
  - 2.1 Melaksanakan **Program Jati Diri Kesukarelaan Nasional (PJKN)** yang disasarkan kepada belia-belie lepasan SPM serta melibatkan penyertaan dari semua kaum. Program ini menekankan aspek pembangunan diri remaja disamping memupuk semangat cintakan negara dan patriotisme serta

menyemai dan mempersiapkan diri remaja dengan nilai-nilai kemasyarakatan.

- 2.2 Melaksanakan **Program Kursus Pembangunan Kepimpinan dan Pengurusan Organisasi** di pelbagai peringkat yang bertujuan untuk memberi keyakinan dan kemahiran kepimpinan bagi mempersiapkan belia sebagai pemimpin pelapis di masa akan datang.
- 2.3 Melaksanakan **Program Komuniti Belia Remaja (Y2Y)** bagi memantapkan jati diri belia remaja untuk merealisasikan kepimpinan dan pembangunan masyarakat di peringkat komuniti.
- 2.4 Mengerakkan pertubuhan belia sebagai agen untuk menangani permasalahan sosial yang berlaku di kalangan golongan belia. Untuk itu, Pertubuhan Belia akan diperkasakan sama ada dari segi kepimpinan mahupun keupayaan pengurusan dan pelaksanaan program.
- 2.5 Mempertingkatkan program-program pembangunan sahsiah yang bertujuan untuk membangunkan kualiti modal insan yang cemerlang di kalangan belia.
- 2.6 Kementerian turut memperkenalkan Program "**Belia Benci Dadah**" yang bertujuan menyedarkan segenap lapisan masyarakat mengenai bahaya penyalahgunaan dadah dan usaha menentanginya. Golongan belia di peringkat IPTA/IPTS juga tidak terkecuali memainkan peranan melalui Kempen "**Anda Pilih : Bahagia atau Sengsara**" melalui Sekretariat Rakan Muda IPT masing-masing.
- 2.7 Di samping itu, satu program pencegahan jenayah juvana di kalangan belia turut dalam penelitian akhir KBS. Objektif utama program ini ialah untuk meningkatkan kesedaran

mengenai bahaya perlakuan jenayah di kalangan belia dan kesan-kesannya, serta mengurangkan penglibatan belia dalam aktiviti tidak sihat yang boleh mendorong kepada perlakuan jenayah.

3. Selain daripada melaksanakan pelbagai program dan aktiviti, KBS juga menerusi Majlis Perundingan Belia Negara telah menubuhkan **Jawatankuasa Menangani Isu dan Gejala Sosial Belia**. Fungsi Jawatankuasa ini adalah :
- i. Mengenal pasti isu dan masalah sosial di kalangan belia pada masa kini di semua peringkat.
  - ii. Mengenal pasti kaedah dan pendekatan bagi menangani isu dan gejala sosial di kalangan belia.
  - iii. Menyemak dan menilai keberkesanan program-program sedia yang dianjurkan oleh Agensi Kerajaan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan serta Pertubuhan Belia dalam menangani isu dan gejala sosial belia.
  - iv. Mencadangkan kepada Majlis Perundingan Belia Negara berhubung program-program bersesuaian yang boleh dilaksanakan bagi menangani isu dan gejala sosial belia.
  - v. Mendapatkan pandangan awam terhadap isu dan gejala sosial di kalangan belia dan cadangan daripada masyarakat awam bagi mengatasi isu ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN DING KUONG HIING [ SARIKEI ]**  
**TARIKH : 4 NOVEMBER 2008**  
**SOALAN : 25**

Tuan Ding Kuong Hiing [Sarikei] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menambah Elaun Khidmat Wilayah (EPW) dan Perumahan (EP) kepada pegawai Kerajaan yang bertugas di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan seperti pegawai Kerajaan menikmati kenaikan COLA berikutan kenaikan harga barangan.

**JAWAPAN :**

Tuan yang di-Pertua,

Kerajaan belum bercadang untuk menaikkan kadar Elaun Perumahan Wilayah yang sedang berkuat kuasa sekarang. Walau bagaimanapun, kadar Imbuhan Tetap Perumahan kepada pegawai Perkhidmatan Awam telah dinaikkan seperti berikut:

NO. SOALAN: 22

Gred	Kadar Lama	Kadar Baru	Tarikh Kuat Kuasa
1 hingga 40	RM135.00	RM180.00	1 Jan 2005
41 dan 42	RM210.00	RM250.00	1 Jan 2008
43 dan 44	RM210.00	RM400.00	1 Jan 2008

SOALAN NO : 23

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

TARIKH : 4 NOVEMBER 2008

SOALAN : PR-1213-L16021

Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah perbelanjaan lawatan ke luar negeri Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri untuk tempoh tahun ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Jumlah perbelanjaan lawatan ke luar negeri sehingga Ogos 2008 bagi Y.A.B. Perdana Menteri adalah sebanyak RM2,450,147.00 manakala Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri sebanyak RM1,428,100.00.

**SOALAN NO. ( 24 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN FONG KUI LUN  
( BUKIT BINTANG )**

**TARIKH : 4 NOVEMBER 2008 ( SELASA )**

**SOALAN :**

**Y.B. TUAN FONG KUI LUN (BUKIT BINTANG)** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan kedudukan projek terbengkalai bagi perumahan dan komersial di Kuala Lumpur, langkah pemulihan, nilai kerugian, unit terlibat dan berapa yang melibatkan usaha sama dengan DBKL sehingga 30.7.2008.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemajuan perumahan melibatkan dua kategori utama iaitu perumahan kediaman dan bangunan-bangunan komersial. Bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118] pada masa ini, hanya meliputi projek-projek perumahan kediaman sahaja dan tidak merangkumi projek-projek komersial seperti rumah kedai, bangunan pejabat, kompleks membeli belah atau pusat komersial. Oleh yang demikian, KPKT tidak mempunyai maklumat berhubung projek komersial yang terbengkalai.

Bagi tempoh 1990 sehingga Jun 2008, terdapat sejumlah 18 projek perumahan terbengkalai di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Daripada jumlah tersebut, 12 projek telah siap dipulihkan dengan Sijil Layak Menduduki (CFO) membabitkan

7948 unit rumah dan nilai jualan RM 1625.13 juta, 3 projek sedang dalam pembinaan membabitkan 1312 unit rumah dan nilai jualan RM 200.7 juta manakala 3 projek perumahan masih terbengkalai membabitkan 1096 unit rumah dan nilai jualan RM 195.8 juta. Semakan Kementerian mendapati hanya satu projek perumahan terbengkalai merupakan projek usahasama dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) iaitu projek Sentul Perdana-Anjung Villa yang telah siap dan diduduki.

Dalam usaha pemulihan projek pemulihan perumahan terbengkalai, Kementerian memainkan peranan utama sebagai pemudahcara/fasilitator dengan menyelaraskan mesyuarat, perbincangan dan rundingan bersama semua pihak yang terbabit seperti pemaju, tuan tanah, pembeli, pembiaya atau juruperunding bagi mencapai satu persetujuan bersama berhubung kaedah pemulihan yang terbaik.

Kementerian Perumahan  
dan Kerajaan Tempatan

November 2008

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI (CHERAS)**  
**TARIKH : 4 NOVEMBER 2008**  
**RUJUKAN : 1307**

**SOALAN :**

**Tuan Tan Kok Wai (Cheras) minta MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan kes setiap kategori jenayah di setiap daerah polis di Kuala Lumpur bagi tempoh 2006, 2007 dan bagi Januari-Julai 2008, kekuatan anggota, nisbah antara anggota dan penduduk, bilangan kereta ronda bagi setiap daerah polis di Kuala Lumpur dan kekurangan pemandu yang dialami.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Cheras yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kes-kes Jenayah Indeks di setiap daerah Kuala Lumpur bagi tahun 2006 adalah seperti berikut. Bagi daerah Dang Wangi sebanyak 6,270 kes telah dilaporkan pada tahun 2006. Ini diikuti oleh daerah Brickfields iaitu sebanyak 7,710 kes, Cheras sebanyak 6,420 kes, Sentul 10,989 kes dan Putrajaya iaitu sebanyak 351 kes.

Bagi tahun 2007, jumlah kes yang dilaporkan bagi daerah Dang Wangi ialah sebanyak 5,611 kes, daerah Brickfields sebanyak 6,603 kes, daerah Cheras sebanyak 6,363 kes, daerah Sentul sebanyak 10,550 kes dan Putrajaya iaitu sebanyak 346 kes. Jika dilihat secara perbandingan, didapati Jenayah Indeks pada tahun 2007 adalah jauh lebih rendah berbanding tahun 2006 iaitu berkurangan sebanyak 2,267 kes (-7.14%) berbanding tahun sebelumnya.

Manakala bagi tempoh bulan Januari hingga Julai tahun 2008, jumlah Jenayah Indeks yang dilaporkan bagi daerah Dang Wangi ialah sebanyak 3,057 kes. Daerah Brickfields pula mencatatkan sebanyak 3,524 kes, daerah Cheras sebanyak 3,599 kes, daerah Sentul sebanyak 5,893 kes dan Putrajaya sebanyak 182 kes. Secara

perbandingannya, Jenayah Indeks bagi Kuala Lumpur bagi tempoh Januari hingga Julai 2008 adalah jauh lebih rendah berbanding tempoh yang sama pada tahun 2007 iaitu sebanyak 17,519 kes. Ini mencatatkan penurunan sebanyak 1,264 kes atau kira-kira -7.22%.

Tuan Yang Dipertua,

Buat masa ini, jumlah keseluruhan perjawatan yang telah diisi bagi Kuala Lumpur ialah seramai 6,429 orang. Manakala, jumlah populasi keseluruhan penduduk Kuala Lumpur setakat Ogos 2008 ialah seramai 1,629,140 orang. Mengikut Standard Interpol, nisbah bagi seorang anggota polis kepada populasi penduduk ialah 1:250, manakala bagi Kuala Lumpur, nisbah bagi seorang anggota polis kepada populasi penduduk ialah 1:253.

Selain itu, Kontinjen Polis Kuala Lumpur mempunyai 397 buah kereta peronda dan seramai 377 orang pemandu. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 99 buah kereta peronda diperuntukkan kepada Dang Wangi, 84 buah bagi Brickfield, 83 buah bagi Cheras, 104 buah bagi Sentul dan 27 buah unit kereta peronda diperuntukan bagi Putrajaya.

Meskipun mengalami kekurangan seramai 20 orang pemandu, namun, masalah tersebut tidak begitu ketara dan tidak menjejaskan penugasan harian operasi di cawangan yang terbabit.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN FONG PO KUAN [BATU GAJAH]**

**TARIKH : 4 NOVEMBER 2008 (RABU).**

**SOALAN:**

**YB PUAN FONG PO KUAN [BATU GAJAH]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat ini, Perlembagaan Persekutuan telah dipinda berapa kali dan menyatakan tahun pindaan dan Perkara yang dipinda. Nyatakan apakah ada perkara di dalam Perlembagaan yang tidak boleh dipinda.

**JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Dipertua,

1. Setakat ini, Perlembagaan Persekutuan telah dipinda sebanyak 45 kali. Maklumat mengenai tahun Perlembagaan Persekutuan dipinda dan berapa kali ia dipinda adalah seperti yang berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Tahun dipinda</b>	<b>Berapa kali dipinda</b>
1.	1960	1
2.	1962	1
3.	1963	2
4.	1964	1
5.	1965	2
6.	1966	2
7.	1968	1
8.	1969	3
9.	1970	1
10.	1971	2
11.	1973	2
12.	1975	1
13.	1976	2
14.	1977	1 (Pindaan berbangkit)
15.	1978	1
16.	1981	1
17.	1983	1
18.	1984	2
19.	1985	1
20.	1988	1
21.	1990	1
22.	1992	1

Bil.	Tahun dipinda	Berapa kali dipinda
23.	1993	4 (Termasuk 1 pindaan berbangkit)
24.	1994	1
25.	1995	1
26.	1996	1
27.	2001	2
28.	2002	1 (Pindaan berbangkit)
29.	2003	1
30.	2005	2
31.	2007	1
<b><u>JUMLAH</u></b>		<b><u>45</u></b>

Senarai perkara yang dipinda adalah seperti yang berikut:

Bahagian		Perkara yang dipinda
I	Negeri-Negeri, Agama Dan Undang-Undang Bagi Persekutuan	1, 3 dan 4
II	Kebebasan Asasi	5, 6, dan 8 hingga 12
III	Kewarganegaraan	14 hingga 26B, 28, 28A, dan 30 hingga 31
IV	Persekutuan	32 hingga 35, 37 hingga 40, 42 hingga 43C, 45, 46, 48, 50, 52 hingga 59, 61 hingga 63, dan 65 hingga 67

Bahagian		Perkara yang dipinda
V	Negeri-Negeri	70 hingga 72
VI	Perhubungan Antara Persekutuan Dengan Negeri-Negeri	74, 76, 76A, 80, 83 hingga 92, 94, dan 95A hingga 95E
VII	Peruntukan Kewangan	97, 99 hingga 101, dan 105 hingga 121E
VIII	Pilihan Raya	113 hingga 120
IX	Badan Kehakiman	121 hingga 131A
X	Perkhidmatan-Perkhidmatan Awam	134, 135, 137 hingga 146D, dan 148
XI	Kuasa Khas Menentang Perbuatan Subversif, Keganasan Terancang, Dan Perbuatan Dan Jenayah Yang Memudaratkan Orang Awam Dan Kuasa Darurat	149 hingga 151
XII	Am Dan Pelbagai	152 hingga 155, dan 158 hingga 160B
XIIA	Perlindungan Tambahan Bagi Negeri Sabah Dan Sarawak	161 hingga 161H
XIII	Peruntukan Sementara Dan Peralihan	162 hingga 174
XIV	Kecualian Bagi Kedaulatan, Dsb., Raja-Raja	181
XV	Prosiding Terhadap Yang Di-	182 dan 183

Bahagian	Perkara yang dipinda
Pertuan Agong Dan Raja-Raja	
Jadual-Jadual	Jadual Pertama hingga Kesepuluh, dan Jadual Kedua Belas hingga Ketiga Belas.

3. Secara dasarnya, perkara yang terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan boleh dipinda sekiranya terdapat keperluan untuk berbuat demikian. Sebarang cadangan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan, seperti juga mana-mana undang bertulis yang lain, bergantung pada dasar dan keputusan semasa Kerajaan, selepas semua isu mengenainya dipertimbangkan dengan sebaik-baiknya oleh Kerajaan dan setiap pindaan itu pula perlulah mengikut tatacara yang telah ditetapkan oleh Perlembagaan itu sendiri.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

No: 27

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : PUAN TAN AH ENG [ GELANG PATAH ]  
TARIKH : 04.11.2008 (SELASA)  
SOALAN : ~~20~~ 27

PUAN TAN AH ENG [ GELANG PATAH ] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA menyatakan bilakah bermula sekatan harga minyak di kawasan 50 km Sempadan Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Penguatkuasaan larangan penjualan petrol dan diesel kepada mana-mana kenderaan yang tidak didaftarkan di Malaysia telah dikuatkuasakan pada 2 Jun 2008 bagi kawasan dalam lingkungan 50 km daripada sempadan Malaysia-Thailand. Manakala di sempadan Malaysia-Singapura pula dijadualkan pada 9 Jun 2008. Walau bagaimanapun pada 5 Jun 2008, Kerajaan telah menarik balik larangan penjualan petrol dan diesel kepada mana-mana kenderaan yang tidak didaftarkan di Malaysia berikutan daripada penstrukturan semula subsidi petrol dan diesel.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI  
(GOMBAK)**

**PERTANYAAN : MULUT**

**TARIKH : 04.11.2008**

**Tuan Mohamed Azmin Bin Ali (Gombak) minta MENTERI  
KEWANGAN menyatakan :-**

- (a) kemajuan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dalam menangani masalah kekurangan perumahan awam untuk rakyat miskin dan berpendapatan rendah dan juga projek-projek perumahan terbengkalai; dan
- (b) apakah langkah-langkah tanggungjawab sosial korporat dalam menyediakan perumahan mampu milik yang telah diambil oleh SPNB setakat ini.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Untuk makluman Yang Berhormat, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) berperanan menyediakan kemudahan perumahan yang mampu dimiliki dan berkualiti terutama bagi golongan berpendapatan rendah. Sehingga 31 Ogos 2008,

SPNB telah berjaya menyiapkan sejumlah 4,258 unit rumah di bawah program Rumah Mampu Milik (RMM), manakala sejumlah 37,747 unit rumah lagi sedang dalam pelbagai peringkat pembinaan di seluruh negara.

Selaku agen pelaksana Kerajaan yang dipertanggungjawabkan untuk memulihkan projek-projek terbengkalai oleh pemaju perumahan lain yang dikenal pasti oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pula, SPNB telah berjaya menyiapkan sebanyak 72 projek melibatkan sejumlah 22,453 unit pelbagai jenis rumah. Sebanyak 18 projek lagi melibatkan sejumlah 3,882 unit rumah sedang dalam proses pemulihan. Selain itu, SPNB juga sedang menjalankan kajian lanjutan bagi membaik pulih 51 projek terbengkalai yang telah dikenal pasti oleh KPKT.

Tuan Yang di-Pertua,

(b) Untuk makluman Yang Berhormat, dalam menjalankan tanggungjawab sosial korporatnya, SPNB telah melaksanakan perkara-perkara berikut:

- i. menawarkan rumah kos rendah dan kos sederhana rendah di bawah program RMM yang tidak banyak ditawarkan oleh pemaju lain demi memastikan golongan keluarga miskin dan berpendapatan rendah berpeluang memiliki rumah; dan

- ii. menawarkan harga jualan pada 10% sehingga 20% lebih rendah berbanding harga pasaran rumah yang ditawarkan oleh pemaju swasta lain.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH**  
**TARIKH : 4 NOVEMBER 2008**

**YB TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH [LIMBANG] minta MENTERI  
PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI menyatakan:**

- (a) bilakah akan dibuat kajian terhadap potensi kegiatan keusahawanan tempatan yang sedia ada di kawasan Limbang, Sarawak untuk dipertingkatkan dan diperkasakan; dan**
- (b) bilakah akan dilaksanakan R&D ke atas produk-produk tempatan dan dalam bentuk apakah dapat dilaksanakan kaedah-kaedah untuk membantu produk-produk tempatan tersebut dalam aspek pembungkusan dan pemasaran produk.**

## **JAWAPAN SOALAN A:**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian menerusi agensinya seperti MARA Daerah Limbang, sentiasa memberi perhatian terhadap peluang-peluang dan kegiatan keusahawanan di daerah-daerah dan luar bandar. MARA Daerah Limbang telah mengenalpasti bahawa terdapat empat (4) perusahaan tempatan sedia ada yang boleh diperkasakan lagi seperti perusahaan ikan tahai, pengeluaran kayu dan gabus serta tembikar dan seramik.

Selain itu, terdapat beberapa perusahaan berasaskan penternakan yang boleh dibangunkan seperti penternakan ayam, kambing dan ikan air tawar memandangkan permintaan yang tinggi terhadap hasil tersebut terutamanya ayam Halal yang diproses dan kambing oleh penduduk tempatan dan luar kawasan. Kedudukan geografi Daerah Limbang yang bersempadan dengan Brunei juga turut menyumbang kepada permintaan produk tersebut daripada penduduk negara tersebut.

Di samping itu, sektor pengangkutan awam iaitu perkhidmatan bas juga turut dilihat sebagai peluang perniagaan yang berpotensi memandangkan belum ada lagi perkhidmatan bas Express laluan Limbang ke Miri serta Limbang ke Lawas.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sehingga kini Kementerian mendapati belum ada keperluan untuk membuat kajian khusus terhadap kegiatan keusahawanan tempatan mengikut daerah. Walau bagaimanapun, Kementerian telah mengambil inisiatif dengan mewujudkan Majlis Pembangunan Usahawan Daerah (MPUD) dan Majlis Pembangunan Usahawan Parlimen (MPUP) yang mana keanggotaannya melibatkan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan serta badan-badan bukan kerajaan bagi memastikan program-program keusahawanan sampai sehingga ke peringkat akar umbi.

## **JAWAPAN SOALAN B:**

Tuan Yang Dipertua,

Bagi soalan B, MECD sehingga kini telah dan sedang melaksanakan penyelidikan dan pembangunan (R&D) terhadap produk-produk usahawan bagi mempertingkatkan keluaran Bumiputera khususnya. Program peningkatan tersebut dinamakan Groom Big. Ia melibatkan Program *Groom Big* SIRIM-MECD dan Program Peningkatan Kualiti Herba FRIM-MECD yang merangkumi produk kosmetik, herba, seramik, kaca, makanan dan minuman.

Melalui Program *Groom Big* SIRIM-MECD, kajian dijalankan terhadap produk-produk seramik, kaca, kosmetik dan herba. Kajian bagi produk kosmetik melibatkan pembangunan produk, pengujian keberkesanan produk, pengujian kestabilan produk dan pengujian fizikal produk yang dibangunkan. Bagi produk seramik dan kaca pula, kajian dijalankan terhadap bahan mentah, teknik dan rakabentuk produk serta nilai tambah terhadap produk.

Walau bagaimanapun, bagi produk makanan dan minuman Kementerian bekerjasama dengan MARDI bagi tujuan penyertaan kualiti produk.

Bagi Program Peningkatan Kualiti Herba FRIM-MECD pula, Kementerian bekerjasama dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) untuk membangunkan produk herba tempatan. Usahasama sinergi ini diwujudkan bagi membantu dan menyediakan industri tempatan ke pasaran global. Program selama 12 bulan ini dilaksanakan melalui pendekatan interaktif. Para usahawan ditingkatkan kesedaran dan kefahaman mereka terhadap peri pentingnya aspek-aspek kualiti, keselamatan, dan efikasi menerusi seminar, bengkel dan dialog yang direncana. Kualiti, tahap keselamatan dan efikasi produk-produk usahawan dinilai dan dianalisa sebelum penyusunan syor-syor penambahbaikan. Usahawan juga akan dibantu untuk mendapatkan sijil Halal dan kelulusan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia. Seterusnya produk tersebut akan dibuat kajian pasaran sebelum pengeluaran berskala besar dilakukan.

Dari aspek pembungkusan produk pula, usahawan dibantu oleh SIRIM Berhad untuk mempertingkatkan kualiti pembungkusan produk mereka supaya setanding dengan produk-produk keluaran luar negara dan berupaya bersaing di pasaran domestik dan antarabangsa. Melalui Program *Groom Big*, usahawan diberi peluang untuk memilih bentuk dan corak pembungkusan yang disediakan oleh pereka grafik dan melalui khidmat nasihat.

Dalam usaha memperkenalkan produk usahawan kepada umum, pelbagai program promosi dilaksanakan oleh Kementerian atau melalui kerjasama dengan agensi swasta yang lain. Program Gerak Usahawan MPUD merupakan salah satu usaha Kementerian untuk membantu usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) untuk memasarkan produk mereka. Dalam usaha pemasaran di peringkat antarabangsa, Kementerian melantik beberapa agen pemasaran produk Malaysia di luar negara seperti di Dublin, Dhaka, Norway, London dan negara China.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN JOHARI BIN ABDUL**  
**(SUNGAI PETANI)**  
**TARIKH : 04.11.2008**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN JOHARI BIN ABDUL [ SUNGAI PETANI ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan :-

- (a) bilakah kajian terakhir dilakukan untuk mengetahui keberkesanan mengajar Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris; dan
- (b) berapa jumlah responden yang digunakan, di mana kajian tersebut dibuat dan apakah hasil penemuan dari kajian tersebut dan apakah tindakan Kerajaan selanjutnya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

(a) dan (b)

Kajian terakhir yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) berkaitan keberkesanan Pengajaran Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris telah dijalankan pada tahun 2007 melibatkan murid Tahun 5 untuk peringkat sekolah rendah dan murid di Tingkatan 5 untuk peringkat sekolah menengah. Status pencapaian murid telah dinilai melalui pentadbiran ujian yang dibina berdasarkan hasil pembelajaran yang ditetapkan dalam Huraian Sukatan Pelajaran Tahun 5 dan Tingkatan 5. Murid sekolah rendah telah menduduki ujian dalam mata pelajaran Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris. Murid sekolah

menengah telah menduduki ujian dalam mata pelajaran seperti Fizik, Kimia, Biologi, Matematik Tambahan, Sains Tambahan, Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris. Di peringkat sekolah rendah responden kajian terdiri daripada 14,329 murid dari 496 buah sekolah dari semua negeri. Sekolah menengah pula sampel kajian terdiri daripada 9,172 murid dari 158 buah sekolah dari seluruh negara. Sampel sekolah rendah dan sekolah menengah serta murid yang terlibat telah dipilih secara rawak dan dikekalkan sejak permulaan kajian pada tahun 2004.

Secara keseluruhan, murid Tahun 5 yang menyertai kajian Tahun 2007 menunjukkan prestasi yang memuaskan dalam ketiga-tiga mata pelajaran iaitu Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris. **Dari segi kualiti** ; 13% murid cemerlang dalam Sains, 26% cemerlang dalam Matematik dan Bahasa Inggeris. **Dari segi kuantiti**: 65.2% lulus Sains, 61.1% lulus Matematik dan 76.5% lulus Bahasa Inggeris. Peratusan murid yang lulus ujian dalam ketiga-tiga mata pelajaran ini masih tinggi. Di peringkat sekolah menengah, pelaksanaan kurikulum PPSMI telah sempurna satu kitaran iaitu mulai Tingkatan 1 pada tahun 2003 hingga Tingkatan 5 pada tahun 2007. **Didapati trend pencapaian murid PPSMI serupa dengan trend pencapaian murid sebelum dasar PPSMI dilaksanakan.** Murid dari aliran Sains Tulen telah memperolehi prestasi yang lebih baik daripada murid aliran Sastera/Bukan Sains dalam mata-mata pelajaran Sains dan Matematik sepanjang Tingkatan 4 hingga Tingkatan 5.

Secara umumnya, murid di kelompok Sains Tulen (Tingkatan 5, 2007) masih mencapai keputusan yang sangat baik dengan lebih 70% lulus bagi keenam-enam mata pelajaran yang diuji dan lebih 25% murid mendapat keputusan cemerlang dalam Matematik, Matematik Tambahan dan Bahasa Inggeris. Murid dari kelompok Sains Tambahan telah menunjukkan peningkatan dalam pencapaian Bahasa Inggeris, Matematik dan Matematik Tambahan pada tahun 2007 (Tingkatan 5) berbanding pencapaian tahun 2006 (Tingkatan 4). Bagi murid kelompok Sastera/Bukan Sains berlaku juga peningkatan pencapaian antara keputusan ujian Tingkatan 4 dengan ujian Tingkatan 5.

Selain daripada kajian yang dijalankan, KPM telah melaksanakan Penilaian PPSMI 2008 yang memasuki Fasa 2. Penilaian ini telah dijalankan bermula Julai dan dapatan penilaian Fasa 2 akan diperolehi pada bulan November 2008. KPM juga telah menganjurkan 4 Persidangan Meja Bulat PPSMI untuk mendapat input berkaitan pelaksanaan PPSMI. Persidangan tersebut diadakan pada 14 dan 15 Julai 2008, 27 Ogos 2008, 19 September dan 21 Oktober 2008 lepas yang dihadiri oleh pelbagai pihak.

Semua maklumat ini iaitu melalui kajian, penilaian dan perbincangan melalui persidangan meja bulat dan juga analisis keputusan UPSR 2008 yang dijadualkan pengumumannya pada bulan November ini, akan dianalisis dan seterusnya akan dipanjangkan kepada penentu dasar untuk dijadikan rujukan dalam membuat keputusan berhubung pelaksanaan PPSMI.

**SOALAN NO: 31**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK  
(RASAH)**

**PERTANYAAN : MULUT**

**TARIKH : 04.11.2008**

Tuan Loke Siew Fook (Rasah) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci 10 langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Persekutuan untuk mengurangkan beban perbelanjaan Kerajaan dan jumlah perbelanjaan yang telah dijimatkan dalam langkah-langkah tersebut.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, di antara langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Persekutuan untuk mengurangkan beban perbelanjaan Kerajaan adalah melalui tindakan penjimatan kos oleh semua jabatan dan agensi Kerajaan. Kementerian Kewangan pada 2 Mei 2008 telah mengeluarkan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 Tahun 2008 mengenai Garis Panduan Bagi Perbelanjaan Secara Berhemat. Bagi memastikan tindakan yang lebih kukuh diambil oleh jabatan dan agensi Kerajaan, Kementerian Kewangan pada 9 Jun 2008 telah mengeluarkan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 2008 mengenai Langkah Untuk Mengurangkan Perbelanjaan

Awam yang di antara lain melibatkan langkah-langkah tambahan berikut:

- i. membekukan pewujudan jawatan baru, kecuali bagi jawatan-jawatan tertentu dan kritikal seperti di dalam bidang pendidikan, kesihatan dan penguatkuasaan;
- ii. tidak membenarkan penyusunan semula organisasi/ pewujudan badan berkanun;
- iii. menghadkan perjalanan ke luar negara;
- iv. menanggungkan pembelian aset; dan
- v. mengurangkan peruntukan sebanyak 10% daripada Belanja Mengurus di bawah butiran Bekalan, Perkhidmatan dan Aset.

Jumlah penjimatan perbelanjaan daripada langkah-langkah tersebut akan dilaporkan oleh Akaun Awam tahun berikutnya.